

Bil. 7

Rabu

25 Mei 2016



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- Isu Naik Taraf, Kelengkapan Serta Penyelenggaraan Kemudahan Perubatan Hospital Umum Sarawak - YB. *Tuan Julian Tan Kok Ping (Stampin) – m.s. 1*
- Keselamatan Murid SJK(T) Slim River di Bangunan Sekolah Yang Rosak - YB. *Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu – (Batu Gajah) – m.s. 5*

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
11. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO

12. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
13. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
14. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
15. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBR
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
20. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
21. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
22. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
23. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
24. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
26. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
27. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] – UMNO

28. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
31. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
32. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
33. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
34. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
36. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [*Kosong*]
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan A/L Murugan [Tapah] – MIC
3. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Lee Chee Leong – *Senator*

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
9. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Kosong]
14. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
15. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
18. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
20. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
22. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
24. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermeyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – PRS
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titawangsa] - UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [lgan] - PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO

11. Yang Berhormat Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
18. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
19. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO
20. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
23. “ Dato’ Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] – UMNO
24. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
25. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
26. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
27. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
28. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN

36. Yang Berhormat Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
38. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
39. “ Dato’ Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
40. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
41. “ Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
42. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
43. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
44. “ Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh] - UMNO
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
47. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
48. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
49. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
50. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
51. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
52. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
53. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] – UMNO
54. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
55. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
56. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
57. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
58. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO

59. Yang Berhormat Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
60. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
61. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
62. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
63. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
64. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
65. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
66. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
67. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
68. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
69. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
70. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
71. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO
72. “ Kuala Kangsar [*Kosong*]
73. ” Sungai Besar [*Kosong*]

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
10. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]

11. Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M.  
[Tumpat]
12. “ Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. “ Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
16. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd  
Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N.,  
K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
17. “ Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
18. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M.  
[Batu Pahat]
19. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
20. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
21. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
22. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
23. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
24. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
25. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
26. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N.  
[Permatang Pauh]
27. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
28. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
29. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

11. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]

7. Yang Berhormat Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (AMANAHAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**BEBAS**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

**PARLIMEN MALAYSIA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Mohd Sazali bin Mohd Zin

**PETUGAS-PETUGAS**  
**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA  
Rabu, 25 Mei 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN  
PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Isu Naik Taraf, Kelengkapan Serta Penyelenggaraan  
Kemudahan Perubatan di Hospital Umum Sarawak**

**2.33 ptg.**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan saya di bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan, Notis Peraturan Mesyuarat 17 iaitu mengenai isu naik taraf, kelengkapan serta penyelenggaraan kemudahan perubatan di Hospital Umum Sarawak (HUS).

Hospital Umum Sarawak (HUS) telah dilandai isu-isu sejak sekian lama. Di antaranya ialah ada alat perubatan yang dilengkapi adalah uzur. Daripada segi kelengkapan, ia tidak mengambil kesempatan dalam penggunaan teknologi IT terkini dalam meningkatkan lagi prestasi hospital tersebut. Isu-isu yang ingin saya bangkitkan seperti berikut.

Pertama, mesin perubatan. Contohnya mesin radioterapi yang sering rosak serta mengambil masa yang lama untuk diperbaiki. Dua isu yang perlu dibangkitkan ialah kenapakah tiada mesin alternatif yang berkesan memandangkan ia mesin kritikal? Sering kali ia mengakibatkan pesakit-pesakit perlu menunggu masa yang lama terutamanya apabila mesin-mesin tersebut rosak.

Isu kedua, masa yang panjang diperlukan dalam membaik pulih mesin yang rosak oleh syarikat terlibat. Pada satu masa dalam satu insiden, ia sepatutnya diperbaiki dalam masa satu minggu tetapi ditangguhkan lebih daripada satu bulan. Setakat ini tiada tindakan yang diambil supaya ia tidak diulangi, bahkan malangnya gejala sedemikian berlaku setiap tahun.

Satu piawai, garis panduan perlu diwujudkan terhadap syarikat yang terlibat supaya perkara yang sedemikian boleh ditangani secara positif.

Perkara yang kedua ialah penggunaan infrastruktur IT yang terkini. Secara keseluruhannya, sistem perubatan HUS tidak diintegrasikan dalam suatu rangkaian *network* di mana ia boleh mengurangkan kerja-kerja kakitangan perubatan. Pada masa sekarang, kakitangan perubatan seumpama *runner* yang memproses serta menghantar maklumat-maklumat pesakit secara fizikal. Bayangkan jumlah masa yang dibazirkan di mana ia sepatutnya digunakan dalam kerja sebenar sebagai seorang doktor, bahkan ia boleh mengurangkan lagi masa menunggu bagi seorang pesakit.

Isu ketiga yang ingin saya bangkitkan, pembinaan tempat meletak kereta bertingkat yang telah ditangguhkan selama beberapa tahun. Dari tahun 2014, ia sepatutnya dibina ditangguhkan lagi ke tahun 2015 dan yang terkini suku tahun kedua 2016. Ini termasuk pembinaan Medi-Hotel yang berkapasiti 160 buah bilik. Sehingga kini, tiada tanda-tanda fizikal di mana ia dimulakan. Tiada rancangan lalu lintas alternatif yang diumumkan memandangkan ia terletak di kawasan jalan utama yang bakal menjadi suatu masalah.

Secara logiknya, rancangan sudah perlu ada dan diumumkan kepada orang ramai sekiranya projek tersebut akan dimulakan seperti yang ditentukan. Akhirnya, justifikasi di mana bagaimana ia membabitkan peruntukan sebanyak RM351 juta serta cara Kerjasama Awam-Swasta (PPP) yang akan dilaksanakan.

Memandangkan perkara yang dibangkitkan membabitkan kepentingan orang ramai terutamanya apabila HUS adalah satu-satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tidak melihat itu dalam ringkasan Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Ya, itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Usul yang kita membuat ini harus mengikut teks kerana bila ada perkara-perkara baru yang dibuat dalam ucapan Yang Berhormat, ia tidak memberi keadilan kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Jadi sebab itu harus mengikut teks.

Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 2.37 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Stampin.

Menjawab pertanyaan mengenai penyelenggaraan peralatan perubatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam perjanjian Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) di hospital-hospital kerajaan bersama pihak syarikat yang telah dilantik, pihak kerajaan telah menyenaraikan beberapa langkah alternatif bagi menangani isu-isu perkhidmatan klinikal yang terganggu sekiranya terdapat peralatan-peralatan berkaitan yang mengalami kerosakan.

Antara langkah-langkah tersebut melibatkan tanggungjawab pihak syarikat untuk menghantar pesakit ke hospital luar bagi mendapatkan rawatan atau perkhidmatan yang terdapat di fasiliti swasta di mana segala kos perkhidmatan yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkaitan isu tempoh masa yang panjang diperlukan untuk membaik pulih mesin yang rosak oleh pihak syarikat terlibat, pihak kerajaan telah mengambil pada peringkat awal terhadap perkara ini sebelum perjanjian PSH ditandatangani. Dalam perjanjian PSH telah menetapkan bahawa tempoh pembaikan adalah selama 7 hari bekerja daripada tarikh kerosakan dilaporkan.

Dimaklumkan bahawa terdapat kes-kes di mana kelewatan pembaikan adalah disebabkan oleh perolehan alat ganti mengambil masa yang lama berikutan pasaran alat ganti hanya dapat diperolehi dari luar negara seperti di negara-negara Eropah dan juga di Amerika Syarikat. Kelewatan pihak syarikat dalam mematuhi terma pembaikan yang telah ditetapkan juga akan mengakibatkan tindakan pemotongan bayaran kepada pihak syarikat berdasarkan bilangan hari kelewatan.

Selain itu juga, terdapat klausa khas yang boleh digunakan oleh pihak kerajaan untuk melantik pihak ketiga bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan sekiranya didapati pihak syarikat gagal dan cuai serta mengabaikan tanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembaikan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan melalui dokumen perjanjian PSH juga telah pun menyenaraikan beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi oleh pihak syarikat bagi memastikan sebarang gangguan terhadap perkhidmatan klinikal di hospital dapat diminimumkan. Berikut adalah antara garis panduan yang perlu dilaksanakan oleh pihak syarikat iaitu:

- (i) memastikan sebarang kerja-kerja penyelenggaraan mematuhi prosedur, arahan ataupun cadangan daripada pihak pengilang ataupun *manufacturer*;

■1440

- (ii) memastikan kakitangan teknikal adalah terlatih oleh pengilang ataupun *authorized body* bagi memastikan tahap kompetensi yang layak untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan;
- (iii) memastikan simpanan alat ganti yang mencukupi di *hospital central store* atau kerjasama bersama dengan pihak pembekal bagi meminimumkan tempoh masa perolehan alat ganti; dan

- (iv) pelaksanaan *Quality Assurance Program* (QAP) bagi mengenal pasti punca serta tindakan penambahbaikan yang dapat dilakukan bagi meminimumkan sebarang gangguan perkhidmatan klinikal di hospital-hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sistem pengurusan pesakit di hospital.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini KKM telah pun membangunkan Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) bertujuan untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital KKM. Sistem ini lebih menjimatkan kos disebabkan hak cipta dan pelaksanaan hak milik KKM.

Semenjak RMKe-10 lagi, telah ada perancangan memperluaskan SPP ke hospital-hospital KKM termasuk Hospital Umum Sarawak (HUS). Namun, ini bergantung kepada kemampuan kewangan kementerian dan kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT KKM dan Jawatankuasa Teknikal ICT MAMPU telah diperolehi pada tahun 2012 untuk perluasan SPP ke hospital-hospital yang telah dikenal pasti.

Pada tahun 2014, peruntukan hanya diperolehi untuk dilaksanakan di tiga buah hospital iaitu Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan Hospital Bentong. Atas sebab keadaan ekonomi semasa dan kekangan kewangan, tiada kelulusan diperuntukkan diperolehi oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk perluasan lain-lain hospital termasuk HUS. KKM akan sentiasa berusaha untuk membuat permohonan kewangan untuk perluasan SPP ke lain-lain hospital seperti yang telah dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung usul untuk menaik taraf Hospital Umum Sarawak, Kementerian Kesihatan amat menitikberatkan *outcome* bagi setiap pelaksanaan projek-projek fasiliti kesihatan yang melibatkan kepentingan orang awam. Pelaksanaan projek menaik taraf Hospital Umum Sarawak yang meliputi komponen blok pusat rawatan harian, makmal patologi, bank darah dan kompleks tempat letak kereta dan Medi-Hotel telah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 22 November 2013. Siri-siri perbincangan antara kementerian ini bersama dengan pihak syarikat dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri telah pun diadakan dengan giat dalam tempoh tersebut.

Siri-siri perbincangan ini telah mengambil kira keperluan kesemua pihak yang terlibat dalam projek ini iaitu HUS di peringkat kerajaan dan pihak syarikat bagi peringkat swasta, di mana sewajarnya *outcome* projek pembangunan yang dilaksanakan secara *private-public partnership* menguntungkan kesemua pihak. Isu-isu seperti kawalan lalu lintas seperti yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Stampin telah pun diambil kira oleh pihak HUS dan syarikat dalam perancangan semasa projek ini.

Bagi pelaksanaan projek menaik taraf HUS, pemilihan syarikat yang akan melaksanakan projek ini dibuat menggunakan kaedah *switch challenges* di mana syarikat-syarikat yang berminat untuk melaksanakan projek ini dijemput untuk menyaingi ataupun *compete* tawaran asal.

Syarikat yang mula-mula membuat tawaran kepada kerajaan bagi tujuan mendapat pulangan yang berpatutan bagi harga yang ditawarkan ataupun *value for money*. Dalam hal ini, syarikat yang berjaya telah pun mengemukakan tawaran yang dianggap paling *value for money* bagi projek yang dilaksanakan. Draf perjanjian bagi melaksanakan projek ini kini berada dalam peringkat penyemakan akhir oleh agensi-agensi yang terlibat. Kerajaan akan berusaha untuk mempercepatkan projek ini secepat mungkin supaya rakyat di Kuching secara khususnya dan rakyat secara amnya, mendapat faedah daripada projek ini.

Dalam hal ini, kesemua pihak perlu mencapai kata sepakat dalam keputusan yang diambil dalam memastikan projek menaik taraf HUS dapat dilaksanakan dengan sempurna. KKM sentiasa komited dalam memastikan fasiliti kesihatan yang dibina dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat setempat dan pada masa yang sama memberikan pulangan yang maksimum kepada semua pihak yang terlibat dalam projek tersebut Tuan Yang di-Pertua.

### **Keselamatan Murid SJK(T) Slim River di Bangunan Sekolah Yang Rosak**

**2.45 ptg**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruangan kepada saya mengambil bahagian dalam ucapan penanggulangan pada petang ini. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang sudi datang memberi jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkenaan dengan isu keselamatan 200 orang murid SJK(T) Slim River. SJK(T) Slim River merupakan sebuah sekolah bantuan penuh kerajaan yang lama dibina iaitu pada tahun 1954. Saya telah menerima aduan mengenai masalah anai-anai di sekolah tersebut. Saya telah membuat lawatan ke sekolah berkenaan untuk memastikan keadaan. Saya mendapati aduan yang saya terima itu adalah benar.

Sebahagian dari bangunan sekolah berada dalam keadaan bahaya kerana reput dimakan anai-anai. Beberapa kali bumbung runtuh tetapi tidak mengakibatkan sebarang kemalangan ataupun kecederaan. Walau bagaimanapun, bangunan itu berada dalam keadaan yang bahaya dan boleh menyebabkan sesuatu yang tidak diingini berlaku pada bila-bila masa.

Pada 12 Januari 2011, pihak Jabatan Kerja Raya Batang Padang telah merumuskan bahawa keadaan SJK(T) Slim River adalah pada tahap yang kurang baik, tidak sesuai untuk diduduki dan disyorkan roboh. Laporan pemeriksaan ini juga telah disahkan oleh Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya Batang Padang. Surat sijil tidak selamat untuk blok bangunan lama juga telah diterima oleh pihak sekolah pada 23 Februari 2012.

Saya amat kluatir tentang keselamatan penghuni sekolah, termasuk 200 orang anak murid dan 22 orang guru serta beberapa orang kakitangan lain. Perkara ini telah dibawa kepada perhatian Pejabat Pendidikan Daerah Batang Padang, namun tidak ada apa-apa tindakan untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya difahamkan bahawa masalah tentang bangunan sekolah dan keselamatan murid-murid itu telah dibawa kepada perhatian Dato' K.R.A Naidu, Pengerusi MIC Bahagian Tanjong Malim ketika itu. Kemudian, masalah yang sama juga telah dibawa kepada perhatian Tan Sri Ramasamy yang menjadi pengerusi baru MIC Bahagian Tanjong Malim. Masing-masing tidak melakukan apa-apa. Selain daripada itu, masalah juga telah dibawa kepada perhatian Dato' Dr. Subramaniam, Presiden MIC. Beliau juga telah mengabaikan keselamatan anak-anak kita di sekolah tersebut.

Akhir sekali, masalah ini telah dibawa kepada perhatian Datuk P. Kamalanathan, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia. Beliau juga tidak peka kepada masalah ini. Saya difahamkan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu juga telah memberitahu pihak sekolah bahawa tidak ada peruntukan kewangan buat masa ini. Sudah lima tahun telah berlalu, tetapi masih tidak ada apa-apa tindakan diambil. Apakah kerajaan hanya akan bertindak setelah sesuatu malapetaka menimpa di sekolah itu? Pihak kerajaan telah dengan cuainya mengabaikan keselamatan 200 orang murid dan 22 orang guru di SJK(T) Slim River.

Saya rasa amat kesal dan kecewa kerana sikap Ahli Parlimen Tanjong Malim dan juga ADUN Slim yang langsung tidak prihatin mengenai nasib sebuah sekolah Tamil dan keselamatan murid-muridnya di kawasan mereka. Saya mendesak supaya tindakan segera diambil untuk membina bangunan baru menggantikan bangunan lama yang reput. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **2.48 ptg**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah berhubung isu keselamatan di SJK(T) Slim River, Perak. Pada kesempatan ini, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi secara umum latar belakang SJK(T) Slim River, Perak. Sekolah ini merupakan sekolah kerajaan dengan *enrolment* murid pada masa ini adalah seramai 199 orang, termasuk pelajar-pelajar prasekolah dan 22 orang guru serta lima orang anggota khidmat sokongan. Sekolah ini mempunyai lapan buah bilik darjah, dua buah bilik prasekolah dan beroperasi satu sesi persekolahan.

SJK(T) Slim River terdiri dari tiga buah blok bangunan. Bangunan pertama dua tingkat mempunyai lapan buah kelas, empat buah bilik darjah, perpustakaan, bilik guru dan pejabat. Blok kedua yang dibina oleh PIBG terdiri daripada empat buah bilik darjah. Blok ketiga merangkumi dua buah bilik prasekolah, stor, Bilik Operasi Skim Pinjaman Buku Teks dan kantin.

■1450

Laporan pemeriksaan JKR pada tahun 2011 menyatakan bahawa hanya blok ketiga merangkumi blok prasekolah, stor dan bilik BOS ataupun Bilik Operasi Skim Pinjaman Buku Teks dalam keadaan yang kurang baik tidak sesuai untuk digunakan, bukannya semua bangunan sekolah tersebut tidak selamat seperti dakwaan Yang Berhormat Batu Gajah.

Berdasarkan laporan JKR tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui PPD Batang Padang telah mengambil tindakan dengan membuat kerja-kerja penyelenggaraan kepada bangunan tersebut. Ini membuktikan bahawa dakwaan yang mengatakan PPD Batang Padang, JPN Perak dan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak melakukan apa-apa terhadap pembangunan sekolah tersebut adalah juga tidak benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JKR bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia telah melakukan sekali lagi pemeriksaan terhadap sekolah tersebut pada 19 Mei 2016. Laporan pemeriksaan JKR Mei 2016 menyatakan bahawa blok yang menempatkan bangunan kantin, dewan, prasekolah dan stor memerlukan penyelenggaraan bagi memastikan keselesaan dan keselamatan murid serta permohonan daripada pihak PIBG sekolah, 34 orang murid prasekolah di blok tersebut telah dipindahkan ke perpustakaan di blok yang berlainan. Hal seperti ini dilakukan kerana Kementerian Pendidikan Malaysia sangat-sangat mengutamakan keselamatan murid-murid di seluruh negara termasuk murid-murid di sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah tersebut telah mendapat peruntukan penyelenggaraan seperti berikut:

- (i) pada tahun 2010 telah dilakukan kerja-kerja rawatan pembasmian anai-anai dengan kos RM9,800;
- (ii) pada tahun 2012, kerja-kerja penyelenggaraan dan ubah suai sistem perpaipan sekolah dan mengganti jenang pintu dan kayu keras di prasekolah dengan kos RM19,150;
- (iii) pada tahun 2014 telah dilakukan kerja-kerja mengganti atap keseluruhan asbestos dengan *metal deck* dan mengganti siling yang rosak dengan kos RM49,999.52; dan
- (iv) pada tahun 2015, telah dilakukan kerja penyelenggaraan bumbung bangunan dan kantin dengan menelan belanja sebanyak RM9,900.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat Batu Gajah bahawa kepimpinan MIC mengabaikan keselamatan murid-murid itu juga tidak berasas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada mantan Presiden MIC dan juga mantan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Utama S. Samy Vellu memberi sumbangan blok pertama sekolah tersebut. Saya sendiri pada tiga bulan yang lepas membawa isu ini kepada pengetahuan Presiden MIC sekarang, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam dan beliau telah memberi perhatian berat serta menyokong supaya tindakan segera perlu diambil dengan sewajarnya.

Seterusnya, pelbagai pihak termasuk Dewan Undangan Negeri Slim dan Yang Berhormat Tanjong Malim turut membantu penyelenggaraan dan peralatan SJK(T) Slim River seperti berikut.

Pada tahun 2012, sekolah ini mendapat bantuan penyelenggaraan daripada Pejabat Perdana Menteri melalui Pertubuhan Komuniti sebanyak RM400 ribu untuk penyelenggaraan dan pembekalan peralatan sekolah seperti berikut; padang sekolah, pembinaan tandas baru, penyelenggaraan tandas, tangki air, paip air dan meter air, penyelenggaraan bilik mesyuarat, mengecat bangunan sekolah, pembersihan kawasan dan juga membekalkan 30 unit komputer.

Seterusnya pada tahun 2015, sekolah ini telah mendapat peruntukan Dewan Undangan Negeri Slim dan Parlimen Tanjong Malim bagi kerja-kerja membina tempat menunggu dan tempat meletak kereta dengan kos sebanyak RM20 ribu.

Pada tahun 2016 ini, SJK(T) Slim River telah menerima peruntukan Dewan Undangan Negeri Slim dan juga Yang Berhormat Ahli Parlimen Tanjong Malim bagi kerja-kerja membina laluan pejalan kaki berbumbung dengan kos sebanyak RM30 ribu.

Sebagai langkah terkini, Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengambil tindakan untuk mempercepatkan proses penyelenggaraan dan baik pulih bangunan yang sejajar berdasarkan laporan pemeriksaan JKR 2016. Antara skop kerja yang akan dilaksanakan menukar baru tiang kayu, rasuk dan tiang konkrit bangunan kantin; menukar baru bumbung, siling, pintu dan tingkap kayu bangunan dewan; menukar baru bumbung, siling, bingkai tingkap kayu bangunan prasekolah dan stor; serta menjalankan rawatan anai-anai di seluruh kawasan sekolah.

Selain daripada itu untuk jangka panjang, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyenaraikan permohonan bangunan gantian tambahan bagi SJK(T) Slim River dalam permohonan Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tegaskan bahawa kerajaan telah mengambil segala langkah yang perlu sejak awal isu ini dilaporkan. Ini kerana Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi perhatian khusus dan mengambil tindakan bersesuaian bagi memastikan keselamatan murid dan guru diutamakan, serta pada masa yang sama memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah tidak terganggu.

Di samping itu, ingin ditegaskan segala langkah-langkah yang sedang dijalankan mengikut *standard operating procedure*, dengan izin, yang ditetapkan oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:**  
Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Khamis, 26 Mei 2016.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.55 petang]***